


Errrr macam mana nak belajar subjek perakaunan?

Saflina Azis & Mustafa Kamal Mat



Saya sering ditanya macam mana cara belajar subjek perakaunan ini. Sebagai pelajar yang tidak mempunyai asas ilmu pengetahuan perakaunan di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), saya sememangnya *struggle* sewaktu belajar subjek ni semasa mengambil kursus Diploma Perakaunan satu ketika dahulu. Subjek perakaunan ni saya rasakan sangat susah. Tapi itulah, tetap gatal tangan memohon kursus perakaunan sehingga ke peringkat sarjana.

Saya kongsi beberapa tip yang boleh dijadikan panduan dan amalan:



1. Buku rujukan

Walau macam mana maju sekalipun zaman, buku rujukan wajib ada sewaktu belajar. Saya tak ada masalah membeli buku, sebab memang hantu buku dari kecil. Pantang pensyarah mengesyorkan buku, pasti saya beli. Paling kurang, wajib mempunyai sebuah buku yang menjadi rujukan utama pensyarah yang mengajar. Betul ada Encik 'Google', tetapi harus ingat, ilmu yang ada di situ adalah sangat umum, ada kalanya tidak berkenaan pun untuk kita.

2. Pengikut Paling Setia

Ikutlah apa sahaja cara, teknik yang diajar oleh pensyarah. Subjek perakaunan mempunyai peraturan asas yang telah ditetapkan. Contoh aset adalah debit, tanggungan adalah kredit. Tak perlu tanya, kenapa aset tu debit, tanggungan tu kredit. Peraturan asas ni wajib hafal dan ikut sahaja. Begitu juga dengan cara merekod transaksi. Daripada dulu lagi, dokumen yang terlibat adalah Akaun T. Tak pernah saya jumpa Akaun B ke, Akaun M ke. Jadi, nak belajar, ikut apa yang diperkatakan oleh pensyarah. Jangan lawan sama sekali mengenai peraturan asas ini.

3. Latihan

Lepas dengar apa yang diajar oleh pensyarah, pelajar wajib buat latihan. Buatlah latihan sebanyak mungkin. Cari dan kumpulkan sekurang-kurangnya 10 set soalan peperiksaan akhir. Sebelum buat soalan-soalan ini, cuba siapkan soalan yang disediakan di dalam buku. Kena ada motivasi yang tinggi untuk buat latihan ni. Buat tanpa disuruh. Buat untuk memahir dan memantapkan ilmu baru yang dipelajari. Ingat! Tanpa latihan yang cukup, kefahaman kita tak akan tercapai.

4. Kongsi

Kongsilah apa jua ilmu yang ada. Jangan sesekali berasa kedekut dengan ilmu dan juga buku yang ada tersebut. Ilmu ni magis, semakin banyak yang dikongsi, semakin banyak yang akan kita peroleh. Ianya tak akan kurang walau sedikit pun. Tak perlu percaya, buat sahaja.

5. Komunikasi

Berkomunikasilah dengan pensyarah seberapa kerap yang boleh. Sentiasa pastikan ada topik untuk dijadikan asbab komunikasi bersama mereka. Boleh berkomunikasi secara *face to face* atau *non face to face*. Buatlah ulang kaji dulu sebelum berjumpa. Pensyarah ni boleh tahu, pelajar nak jumpa sebab tak faham atau ngada-ngada nak jumpa. Pelajar kena faham cara terbaik berkomunikasi dengan pensyarah. Setiap pensyarah mempunyai cara tersendiri.

6. Adab dan akhlak

Inilah perkara paling penting semasa menuntut ilmu. Adab dan akhlak perlu dijaga, terutamanya adab dengan pensyarah. Jangan sesekali bercakap hal-hal buruk mengenai pensyarah. Walau pensyarah tu tak tahu, tapi percayalah, ilmu yang pensyarah tu berikan akan dirasakan susah nak di hadam, nak difahami. Kalau dah termengata, solat taubat, minta maaf (kalau beranilah). Pensyarah ni tak maksum, ada kelebihan dan kekurangan sebagai manusia. Kawan-kawan? Sama juga. Selagi bernama manusia, adab dan akhlak perlu dijaga.

Cukup 6 tip ini dulu..

